

02 NOV 1997

MAHATHIR BETUL DARI AWAL LAGI

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad betul dari awal lagi apabila beliau berkata urusan mata wang perlu dikawal selia.

"Kita tahu yang Perdana Menteri betul dari awal lagi," kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan pembiayaan kewangan dari Amerika Syarikat (AS) George Soros yang kini mahukan sedikit kawalan dalam urusan mata wang ekoran kerugian lebih kurang AS\$2 bilion (US\$1=RM3.34) yang dialaminya minggu lepas kerana kejatuhan pasaran saham.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita semasa diminta mengulas mengenai kenyataan Soros semasa ditemuramah oleh Radio BBC di London baru-baru ini. Abdullah sebelum itu telah memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai isu-isu yang akan dibincangkan semasa sidang kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G15) yang bermula di sini, esok.

Abdullah berkata, banyak pihak kini bersetuju dengan hujah Dr Mahathir atas sebab yang sama.

"Pada permulaan terdapat keraguan dalam apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri. Tetapi kini banyak yang bimbang mengenai perkara itu," kata beliau. -- BERNAMA

ARA PR